

# Berita **BANDARAYA**

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)  
Bil.9 September - Disember 2006 / Syaaban - Zulhijah 1427

ISSN 1675-1276 Naskah Percuma


DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## KONSERT PUSSI KEMERDEKAAN

**B**ersempena dengan sambutan kemerdekaan yang ke-49, satu Konsert Puisi Merdeka telah diadakan pada 26 Ogos 2006 bertempat di Dataran Merdeka. Konsert anjuran bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dewan Bahasa dan Pustaka, UMNO Bahagian Bukit Bintang dan Persatuan Karyawan ini diadakan bertujuan untuk menanam dan meningkatkan semangat cintakan negara di kalangan warga kota melalui keindahan seni bahasa.

Konsert yang merupakan gabungan lagu dan puisi ini telah dideklamasikan oleh pelbagai golongan yang terdiri daripada ahli politik, artis-artis tanah air dan ketua-ketua jabatan persekutuan.

Usaha yang telah dijalankan ini adalah selaras dengan seruan kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai kota budaya dan kota seni. Melalui acara seperti ini, kesenian bahasa dapat dipertontonkan dan didedahkan kepada generasi muda supaya kesenian ini tidak luput ditelan zaman.



Aksi Y.Bhg. Datuk Haji Ruslin Haji Hasan ketika menyampaikan puisi - Gambar Berita Bandaraya



Antara VIP dan artis-artis yang mengambil bahagian dalam Konsert Puisi Kemerdekaan - Gambar Berita Bandaraya

# DARI MEJA DATUK BANDAR



Rakyat Malaysia sekali lagi berpeluang menyambut dua perayaan hampir serentak pada tahun ini di mana Hari Raya Aidilfitri jatuh selang dua hari selepas sambutan Hari Deepavali. Uniknya di Malaysia, sambutan perayaan-perayaan sebegini diraikan oleh semua tanpa mengira bangsa dan kaum. Warga kota sibuk mengatur jadual untuk menziarahi sanak saudara serta menghadiri undangan rumah terbuka yang diadakan oleh sahabat handai sempena menyambut kedua-dua perayaan tersebut. Saya ingin mengingatkan warga kota agar sentiasa berhati-hati dan mematuhi peraturan jalan raya apabila memandu ke rumah saudara-mara mahupun memenuhi undangan rumah terbuka yang diterima. Keselamatan diri sendiri dan keluarga haruslah diutamakan.

Warga kota yang terdiri daripada berbilang kaum dan bangsa juga merupakan faktor berlakunya percampuran budaya dan tradisi. Percampuran budaya dan tradisi yang berlaku ini secara tidak langsung dapat mengerakkan perpaduan kaum di Kuala Lumpur khasnya dan di Malaysia amnya. Walaupun hidup dalam kepercayaan dan pantang larang yang berbeza, sikap hormat-menghormati dan bertolerasi di antara satu sama lain membolehkan warga kota hidup harmoni. Selain itu sikap saling faham-memahami budaya dan tradisi masyarakat lain juga turut menyumbang ke arah perpaduan. Dengan sikap sebegini kita mampu untuk melahirkan satu tradisi

baru yang boleh diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, kaum dan agama.

Dalam kepesatan arus kemajuan di Kuala Lumpur, golongan yang kurang bernasib baik tidak dilupakan. Banyak organisasi samada pihak kerajaan atau swasta semakin prihatin terhadap keperluan golongan ini. Pelbagai bentuk sumbangan telah dihulurkan bagi membantu golongan berkenaan. Namun begitu masih ada golongan yang kurang bernasib baik yang tidak mendapat perhatian. Di sini saya ingin meryeri kepada semua warga kota agar sama-sama membantu golongan yang kurang bernasib baik ini. Walaupun nilai bantuan itu kecil, saya pasti bantuan tersebut membawa seribu makna kepada mereka yang memerlukan.

Dengan itu saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengingatkan warga kota supaya berhati-hati ketika memandu di musim perayaan agar kemalangan dapat dielakkan.

## "UTAMAKAN KESELAMATAN"

*Sayangi Kuala Lumpur*

## Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah diamanahkan kepada: Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. e-mel: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyerat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

## Sidang Redaksi

**Penasihat:** Y. Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan  
**Ketua Editor:** Y.Bhg. Datuk Hj Salleh Bin Yusup  
**Editor:** Anwar Bin Mohd Zain  
**Sub-Editor:** Nur Diana Bt Md Ghazali  
**Jurufoto:** Abd. Rhani Bin Md. Shohor  
Md Ismail Bin Isnin

## LAWATAN KERJA DARIPADA ULANBAATAR, MONGOLIA



Y.Bhg. Datuk Haji Ruslin Haji Hasan menerima kunjung hormat daripada City Council of Ulaanbaatar, Mongolia - Gambar Berita Bandaraya

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini telah menerima satu lawatan kerja daripada City Council of Ulaanbaatar, Mongolia pada 4 Ogos 2006. Lawatan kerja tersebut adalah untuk meninjau peluang mengadakan hubungan 'sister city' dengan Kuala Lumpur dalam aspek perdagangan, kebudayaan dan juga pertukaran dalam bidang pendidikan. Delegasi daripada Mongolia ini turut diberi penerangan oleh DBKL mengenai

Pelan Struktur Kuala Lumpur supaya mereka mendapat gambaran yang jelas mengenai bandar raya ini.

## TAHUKAH ANDA?

Di Malaysia satu daripada tujuh orang yang buta adalah akibat daripada penyakit Glaukoma. Ia menyerang hampir 2 peratus daripada mereka yang berumur 40 tahun ke atas. Glaukoma adalah sejenis penyakit mata yang disebabkan oleh tekanan cecair yang terlampaui tinggi di dalam bola mata seseorang. Ini seterusnya akan merosakkan sel retina dan serabut saraf sehingga ruang penglihatan menjadi sempit dan akhirnya menjadi buta.

Terdapat 2 jenis Glaukoma iaitu:

**Glaukoma Akut** — menyerang secara tiba-tiba menyebabkan mata matah serta kesakitan di dalam dan sekitar bola mata di mana iaanya akan mengurangkan tahap penglihatan seseorang.

**Glaukoma Kronik** — mclarat perlahan-lahan tanpa rasa sakit atau kecaburan penglihatan.

### Talian Kecemasan:

Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa - Aduan Awam (8 pagi sehingga 5 petang)	- 03-2617 9925
Tol Bebas Telekaunseling	- 1800 882 600
Direktorat Penguatkuasaan (24 jam)	- 03-4022 0033 / 4024 4424
Skuad Penyelamat (24 jam)	- 03-4023 1033 / 4023 1133
Unit Kecemasan (24 jam)	- 03-9284 3636 / 3434 / 3433

### Rakan Cop

Negeri	Hotline
Kuala Lumpur	03-2115 9999
Selangor	03-2052 9999
Perlis	04-971 1999
Kedah	04-739 2999
Pulau Pinang	04-269 1999
Perak	05-240 1999
Melaka	06-285 1999
Johor	07-221 2999
Terengganu	09-635 4999
Kelantan	09-745 0999
Pahang	09-515 1999
Sabah	088-318 555
Sarawak	082-240 800